

Headline	50 pelajar tafiz bertallaqi di Madinah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	33	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	472 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,270
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,811



# 50 pelajar tafiz bertallaqi di Madinah

## Projek kedua TAHFIZ selepas program pertama di Sana'a Yaman, tahun lalu

**H**asrat menghantar pelajar tafiz bertallaqi di Madinah tercapai juga apabila 50 pelajar maahad tafiz dari 19 maahad tafiz seluruh negara diiringi 10 pegawai urus setia berlepas ke sana pagi Jumaat lalu untuk Program Bertallaqi al-Quran di Madinah Munawwarah.

Presiden Pertubuhan Kebajikan Pelajar-pelajar Tafiz Malaysia (TAHFIZ), Datuk Mustapa Othman berkata, program berlangsung 28 hari bermula 9 Mei, disertai pelajar tafiz berusia antara 18 hingga 25 tahun yang sudah menghafaz sekurang-kurangnya 25 juzuk al-Quran.

### Proses penilaian ketat

Katanya, program bertallaqi di luar negara memberi peluang pelajar tafiz menguji ilmu mereka dalam bidang menghafaz al-Quran kerana proses penilaian yang dibuat oleh syeikh di sana sangat ketat dan mereka perlu benar-benar cemerlang.

"Pendedahan bertallaqi dengan guru bertauliah di luar negara bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar supaya lebih yakin dan tidak gugup apabila berdepan dengan khalayak. Ia juga bagi membantu mereka mendalamai ilmu menghafaz al-Quran dengan lebih baik," katanya.

Beliau yang ditemui pada majlis pelepasan peserta Program Bertallaqi al-Quran di Madinah Munawwarah berkata, pelajar akan diuji tahap pem-bacaan mereka yang mestilah sama bacaan

serta mahraj huruf seperti bacaan pada zaman Rasulullah SAW tanpa sebarang kesilapan.

Hadir pada majlis itu, Setiausaha Dewan Negara, Datuk Zamani Sulaiman dan wakil penaja, Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Seri Kamaruddin Mat Ali dan Pengarah Urusan CIMB Islamic, Musa Abdul Malek.

TAHFIZ yang ditubuhkan pada Disember 2011 adalah pertubuhan yang menjaga kebaikan pelajar tafiz termasuk pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di universiti luar negara dari segi pembiayaan tambang serta yuran pendidikan.

Mustapa berkata, tahun lalu TAHFIZ merancang membawa pelajar bertallaqi di Masjidilharam di Makkah dan Masjid Nabawi di Madinah tetapi hasrat itu tidak kesampaian disebabkan masalah mendapatkan visa.

Namun, bagi tidak menghamparkan pelajar yang bersemangat untuk memimba pengalaman bertallaqi di luar negara, seramai 52 pelajar tafiz berusia antara 11 hingga 21 tahun dihantar untuk Program Bertallaqi al-Quran di Sana'a Yaman, pada Ramadhan tahun lalu.

Selama sebulan di sana, pelajar membacakan ayat al-Quran di hadapan 14 syeikh dari Darul Quran Sana'a dan Masjid Presiden Yaman. Dua pelajar Madrasah Tahfiz Darul Furqan, Balik Pulau, Luqman Hafiz Norazman, 14, adiknya, Adam Munif Norazman, 13, berjaya mendapat ijazah sanad.

Mereka yang berjaya menerima Ijazah Sanad mempunyai rantaian bacaan al-Quran yang bersambung sehingga kepada Rasulullah SAW.

### Kelebihan ijazah Sanad

Kelebihan yang berjaya mendapat Ijazah Sanad, mereka layak mengajar al-Quran kepada umat Islam di seluruh dunia dan pencapaian terbesar itu memang menjadi idaman setiap yang mendalami pengajian al-Quran.

Mustapa berkata, sebelum berlepas ke Madinah, peserta termasuk empat dari Sarawak diberi kursus pemantapan kerana mereka bakal bertallaqi dengan lima syeikh dari Yaman yang mempunyai tauiah dan sanad.

Beliau berkata, kursus persediaan itu menumpukan kepada kaedah untuk membaca dengan baik di hadapan syeikh termasuk dari segi maksud terjemahan, sebutan tepat dan makhraj yang betul supaya mereka tidak gemruh nanti.

"Kita berharap ramai yang akan dapat ijazah sanad kali ini kerana mereka sudah dewasa dan menghafaz lebih 25 juzuk. Kita tidak meletakkan sasaran kerana usaha ini bergantung kepada pelajar sendiri. Cuma kita harapkan mereka tidak melakukan kesalahan di depan syeikh nanti," katanya.

Katanya, selepas program bertallaqi yang dijangka selesai pada 31 Mei nanti, peserta dan pegawai urus setia akan dibawa menuaikan umrah dan ziarah di Tanah Suci Makkah sebelum pulang ke tanah air pada 6 Jun depan.

Headline	50 pelajar tahfiz bertallaqi di Madinah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	33	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	472 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,270
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,811



Zamani (tiga dari kanan) beramah mesra dengan pelajar tahfiz sebelum berlepas ke KLIA untuk mengikuti program Bertallaqi Al-Quran di Madinah baru-baru ini.

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN | BH]



**HASLIZA  
HASAN**

hasliza@bh.com.my